

14/06/2003

SRAM anjur dua kejohanan 4 bintang

Zairee Zahir

PERSATUAN Raket Skuasy Malaysia (SRAM) akan menganjurkan dua kejohanan bertaraf empat bintang Ogos depan yang bakal menghimpunkan ramai pemain kelompok teratas dunia.

Presidennya, Datuk Mokhzani Mahathir berkata dua kejohanan berkenaan - Terbuka Wanita Wispa Malaysia dan Terbuka Lelaki PSA Malaysia masing-masing akan menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan AS\$40,000 (RM152,000)

dan terbesar pernah dianjurkan.

Ia dijangka menjadi tumpuan pemain handalan dunia selepas Terbuka Hong Kong yang dijadualkan berlangsung pada waktu yang sama, dibatalkan oleh penganjurnya.

Ia juga selaras dengan sambutan ke-30 tahun penubuhan persatuan itu dan meraikan kejayaannya melahirkan beberapa pemain skuasy bertaraf dunia seperti Ong Beng Hee, Mohd Azlan Iskandar, Sharon Wee dan Nicol Ann David.

"Matlamat utama menganjurkan dua kejohanan besar ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pemain tempatan bersaing dengan pemain kelompok teratas dunia, selain menghiburkan peminat dengan aksi bertaraf tinggi," katanya di majlis lawatan rasmi ke Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dan penajaan barangan sukan jenama Head oleh Mulpha Sports kepada pemain skuasy sekolah berkenaan, semalam.

Hadir sama ialah Pengarah Mulpha, Denis Low dan Pengetua SSBJ, Jalaludin Othman. SSBJ mempunyai 21 pemain pelbagai kategori usia termasuk beberapa pemain yang pernah mewakili negara seperti Delia Arnold, Lim Yoke Wah, Sally Looi dan pemain lelaki Mohd Nafiizwan Mohd Adnan.

Pada Kejohanan Wanita Wispa Terbuka Malaysia bertaraf dua bintang yang dimenangi Carol Owens itu, empat pemain negara terpaksa beraksi di pusingan kelayakan tetapi semuanya gagal melangkah ke undian sebenar. Pemain utama, Nicol David pula tidak mengambil bahagian selepas ingin berehat daripada kecederaan belakang yang dialami di Sukan Komanwel.

Kali terakhir Lelaki PSA Terbuka Malaysia diadakan pula ialah pada Disember 2001 tetapi pemain utama negara Ong Beng Hee gagal mempertahankan kejuaraannya selepas terkandas di peringkat suku akhir kejohanan yang dimenangi pemain Australia, Anthony Ricketts.

Mokhzani berkata, SRAM berasa komited untuk menganjurkan kejohanan besar secara tetap supaya pemain handalan dunia sentiasa dapat memperagakan aksi mereka di depan pemain dan peminat tempatan.

"Apabila kita sendiri mempunyai beberapa pemain dalam kelompok 20 terbaik dunia, tidak mustahil kejohanan anjuran kita akan menjadi lebih

meriah dan menarik banyak penaja. Tiada gunanya menganjurkan kejohanan besar tetapi pemain kita sekadar beraksi di pusingan kelayakan saja," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya Mokhzani berkata, penuntut terpilih di SSBJ bernasib baik kerana didedahkan kepada aspek sukan dan akademik yang bersistematik dan mampu mencapai kecemerlangan dalam kedua-dua bidang.